



08 FEB, 2025

Pemberhentian operasi helikopter kedua di tapak projek TNB tak jejas projek ECRL

Berita Harian, Malaysia



Pemberhentian operasi helikopter kedua di tapak projek TNB tak jejas projek ECRL

Putrajaya: Tindakan pemberhentian operasi bagi penggunaan helikopter kedua yang terbabit dalam kerja penyelenggaraan di tapak projek Tenaga Nasional Bhd (TNB) di Bentong, Pahang, tidak menjejaskan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata tindakan seumpama itu bersifat sementara apabila berlaku suatu kemalangan. “Saya rasa tidak (jejaskan projek) dan kerja ECRL diteruskan,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Kemajuan keseluruhan projek ECRL yang merangkumi Pahang, Kelantan, Terengganu dan Selangor sudah mencapai 78.5 peratus setakat bulan lalu.

TNB sebelum ini mengarah-

kan pemberhentian kerja berkenaan susulan helikopter jenis Bell 206L4 terbakar ketika mendarat untuk mengisi minyak berhampiran kolam air panas, Jalan Lama Kuala Lumpur-Bentong.

Kelmarin Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) memaklumkan Biro Siasatan Kemalangan Udara akan melakukan siasatan lanjut mengikut Bahagian XXVI Peraturan Penerbangan Awam 2016.

Nahas pada jam 10.39 pagi itu mengorbankan jurutera warga Indonesia, Finsen Reskey Sembiring, 27, akibat terkena libasan bilah kipas pesawat, manakala juruterbang helikopter berkenaan yang juga rakan senegara terselamat.

BERNAMA



Pemasangan landasan ECRL sepanjang 400 kilometer dari Maran, Pahang ke Kota Bharu selesai pada 15 Januari lalu. (Foto BERNAMA)